

TARIKH: 5/6/23
SURAT KHABAR: Sinar Harian
MUKA SURAT: 32

Kempen galakkan pengambilan tenaga kerja tempatan

BUTTERWORTH

Kementerian Sumber Manusia menerusi Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) melancarkan Kempen Ambil Pekerja Lokal bagi menggalakkan pengambilan tenaga kerja tempatan sekali gus mengurangkan kebergantungan terhadap pekerja asing.

Kempen tersebut merupakan program susulan daripada inisiatif Malaysiaization yang dilaksanakan dari tahun 2021 untuk menggalakkan majikan menggalakkan pekerja tempatan bagi jawatan yang sebelumnya diisi oleh pekerja asing.

Mentrianya, V Sivakumar berkata, untuk menggalakkan penggalangan pekerja tempatan, pihaknya dan Perkeso juga menyokong Projek Reben Kuning yang memberi ruang kepada bekas banduan, terutamanya untuk memperolehi pe-

kerjaan.

"Kempen ini akan dijalankan secara berturutan bagi memastikan majikan dapat menggalakkan anak-anak watan sekali gus menggalakkan terlahu bergantung kepada pekerja asing.

"Langkah ini selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapai 35 peratus tenaga kerja berkemahiran tinggi menjelang 2030," katanya ketika sidang akhbar selepas merasmikan Majlis Penutup Karnival MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumanh 2023 di sini pada Ahad.

Hadir sama, Exco Perdagangan, Industri dan Pembangunan Usahawan, Datuk Abdul Halim Hussain dan Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng.

Sivakumar berkata, melalui insentif Kerajaan Madani 2023 yang dilancarkan baru-baru ini, ia melengkapkan Kempen Ambil Pekerja Lokal kerana memberi fokus kepada peningkatan peluang yang pekerjaan dan pe-



Sivakumar (tiga dari kiri) pada Majlis Penutup Karnival MYFutureJobs dan Skim Keselamatan Sosial Suri Rumanh 2023 di Butterworth pada Ahad.

empatan pekerjaan untuk pelbagai kumpulan sasar di bawah Program Daya Kerja, Daya Kerja TVET dan Program Bina Kerjaya.

Sementara itu, mengulas mengenai karnival kerjaya MYFutureJobs yang berlangsung selama dua hari itu menawarkan lebih 7,000 kekosongan jawatan yang menawarkan gaji bulanan

sehingga RM9,500 daripada 56 majikan yang mengambil bahagian.

"Sehingga tengah hari tadi, seramai 552 individu berjaya ditawarkan jawatan secara terus.

"Selain menghimpunkan pencari kerja dan majikan di bawah satu bumbung, karnival kerjaya ini juga menyediakan perkhidmatan pekerjaan bagi me-

ingkatkan kebolehpkerjaan dan kebolehpasaran pencari kerja seperti bantuan penyediaan resume, profil pencari kerja, bengkel temu duga kaunseling kerjaya, kursus asas komunikasi, sahsiah dir dan persediaan menghadapi temu duga, dan juga kursus vokasional, jika perlu," katanya.

Sinar Harian
MS 32 5/6/23